

IOQRA'

Bil. 1/2022

JANUARI

eISBN : 2735-1920



**LIVE@PTAR Misi Kesukarelawan:
Duta Sosial & Kebajikan**
PTAR Shah Alam - muka 6



**Perbincangan Kolaborasi Antara
PTAR & Unit Perkhidmatan OKU**
PTAR Shah Alam - muka 10



**Library Outreach Bersama Majlis
Perwakilan Pelajar Sesi 2021/2022**
PTAR Alor Gajah - muka 15



**LIVE@PTDI Sembang Santai:
Dari Segamat ke England**
PTAR Segamat - muka 22



**LIVE@PTAR Better Marks Secrets
Online Databases**
PTAR Kedah - muka 33

PROMOSI@PTAR



LIVE@PTAR: MENELUSURI KEGEMILANGAN ULAMA DI DALAM PERJUANGAN JIHAD NUSANTARA 6 JANUARI 2022

**BULETIN
IQRA**

PERPUSTAKAAN SULTAN BADLISHAH, KEDAH

Disediakan oleh: Shazmie Huzni Mohd Sidik

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Perpustakaan Sultan Badlishah
Cawangan Kedah
Kampus Sungai Petani
SULAM

MENELUSURI KEGEMILANGAN ULAMA DI DALAM PERJUANGAN JIHAD NUSANTARA

PANEL 1 **PANEL 2** **PANEL 3**

Prof Madya Ts Dr Asmadi
Mohammed Ghazali
Fakulti Pengurusan
Maklumat

Dr Noor Syahidah
Mohamad Akhir
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari

Ustaz Ahmad Yumni Abu
Bakar
Akademi Pengajian Islam
Kontemporari

6 Januari 2022 (Khamis) 2.15 – 4.00 petang

Live@PTAR YouTube f LIVE
Perpustakaan Sultan Badlishah

5.00, akan diberikan kepada para peserta
5.00, akan diberikan kepada staf UiTM

Anjuran Bersama: Unit Kokurikulum, Perpustakaan Sultan Badlishah (PSB),
Pelajar HPD238 Raja Berpelembagaan (Lanjutan) UiTM Kedah & PIBG SMK

Menyrialahkan Potensi
Membentuk Masa Hadapan



Untuk menonton
semula:




Pada 6 Januari 2022, telah berlangsungnya program Live@PTAR: Menelusuri Kegemilangan Ulama Di Dalam Perjuangan Jihad Nusantara, anjuran pelajar kursus HPD238 Raja Berpelembagaan (Lanjutan) Kumpulan 3A Semester Oktober Sesi 2021/2022 dengan kerjasama Unit Kokurikulum dan Perpustakaan Sultan Badlishah, UiTM Cawangan Kedah yang disiarkan melalui platform YouTube & Facebook Rasmi PSB, UiTM Cawangan Kedah. Program yang berlangsung selama 1 jam 45 minit ini dijalankan untuk memberi pengetahuan dan galakan kepada golongan mahasiswa/siswi untuk memahami lebih mendalam dan terperinci berkaitan sejarah perjuangan ulama nusantara dan khususnya di negeri Kedah ketika penentangan terhadap penjajah.

Program ini telah menjemput tiga panel jemputan iaitu Prof Madya Ts Dr Asmadi bin Mohammed Ghazali, Pensyarah Kanan di Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Kedah; Ustaz Ahmad Yumni bin Abu Bakar, Pensyarah Kanan di Akademik Pengajian Islam Komtemporari (ACIS), UiTM Cawangan Kedah dan Dr. Noor Syahidah binti Mohamad Akhir, Pensyarah Kanan di Akademik Pengajian Islam Komtemporari (ACIS), UiTM Cawangan Kedah.

Objektif program ini adalah dapat menambah pengetahuan peserta berkaitan sejarah perjuangan ulama di dalam menentang penjajah di negeri Kedah, serta memberi galakan kepada golongan mahasiswa/siswi tentang kepentingan sejarah di dalam meningkatkan nilai patriotisme dan mengeratkan hubungan ukhuwah sesama warga UiTM. Diakhir sesi, panel jemputan juga turut menjawab soalan yang telah dikemukakan oleh penonton.

Program ini telah berjaya mendapat sebanyak 545 tontonan menerusi platform YouTube Live sepanjang program siaran langsung ini berjalan.



Live@PTAR * Menelusuri Kegemilangan Ulama Di Dalam Perjuangan Jihad Nusantara *



Live@PTAR * Menelusuri Kegemilangan Ulama Di Dalam Perjuangan Jihad Nusantara *